



MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
PALACE OF JUSTICE  
PRECINT 3  
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8880 3500  
03-8880 3700  
03-8880 3900  
Fax : 03-8880 3886

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh : 13 JUN 2005

**Pesuruhjaya Sumpah**  
Semenanjung Malaysia  
Sabah/Sarawak

Tuan /Puan,

**LARANGAN MELAKUKAN SALINAN DIAKUI SAH PADA SEBARANG DOKUMEN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk pengetahuan tuan/puan, adalah dijelaskan disini bahawa **Pesuruhjaya Sumpah tidak diberi kuasa untuk mengakui sahkan mana-mana dokumen**. Dilampirkan disini **peruntukan** yang menerangkan tentang **bidang kuasa Pesuruhjaya Sumpah iaitu Kaedah 11 (bagi Peguambela dan peguamcara ) dan Kaedah 12 (bagi Orang Awam atau Persendirian) , Kaedah-kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1993**.
3. Walaubagaimanapun, Pesuruhjaya sumpah adalah dibenarkan menerima akuan berkanun yang ditandatangani sendiri oleh pemilik dokumen yang mengakui bahawa salinan dokumen tersebut adalah benar dari dokumen asal.
4. Sila ambil perhatian bahawa **sebarang pelanggaran pada Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya sumpah 1993, boleh mengakibatkan perlantikan Pesuruhjaya Sumpah dibatalkan dengan serta-merta**.

Sekian. Terima Kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

saya yang menurut perintah,



**(TENGKU MAIMUN BINTI TUAN MAT)**

Pendaftar

Mahkamah Tinggi Malaya

(Menjalankan Tugas-Tugas Ketua Pendaftar

Mahkamah Persekutuan Malaysia)

**PUTRAJAYA**

lamp.